

● MENGENALI PERMAINAN

Semi Silat

Bagaimana
Tajaan caranya

Pelbagai teknik serangan tangan

10 DEC 1987

SEBAGAIMANA beberapa sukan mempertahankan diri, tangan dan kaki adalah anggota yang digunakan untuk menyerang lawan. Dalam silat olahraga ada pelbagai teknik serangan menggunakan tangan bergantung kepada perguruan yang dipelajari.

PENANJIAN B. Harian (M)
Satu mata akan diberikan kepada peserta yang berjaya melakukan serangan tangan yang kena tepat pada sasaran. Bagaimanapun, mata akan diberikan jika serangan tangan itu mantap dan boleh dianggap sebagai pukulan.

Serangan tangan yang sekadar menyentuh sasaran tanpa tenaga tidak diberikan mata.

Untuk melakukan serangan lawan ia bermula dengan sikap bersedia atau sikap awal: Berdiri tegak dan selesa dengan tangan digenggam erat di pinggang. Bagaimanapun, pesilat tidak tertikat dengan sikap bersedia seumpama ini.

Mungkin ketika pesilat bertarung, keadaan mungkin lebih selesa buat dirinya memulakan serangan tangan ketika berada pada sikap pasang. Ini bergantung kepada pesilat itu sendiri.

Dengan itu, jelas dapat dilihat bahawa kalah atau menangnya seseorang pesilat tidak bergantung kepada perguruan. Sebaliknya penggunaan teknik pesilat itu sendiri menentukan kalah atau menangnya dalam sesuatu pertandingan.


Menghumbankan genggam tangan (rodok) ke arah sasaran yang sah adalah salah satu cara melakukan serangan. Ketika melakukan serangan ini seseorang peserta boleh menggunakan hujung jari atau genggam separuh jari sama ada terlangkup atau terlentang.

Di sini sekali lagi, gerakan menyerang seumpama ini bergantung kepada pesilat itu sendiri.

Dalam silat olahraga bagaimanapun, teknik serangan ini hanya boleh dilakukan ke arah sasaran yang ditetapkan oleh Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat).

Jika serangan seumpama ini digunakan ke arah leher ke atas atau kemaluan peserta dikira membuat kesalahan

SIRI 8



berat. Jika ini dilakukan, pesilat terbabit boleh diberi amaran atau dikira batal untuk memberi kemenangan kepada lawan setelah ia dilakukan berulang kali.

Antara lain teknik serangan yang ada dalam silat olahraga ialah tumbukan, hambatan siku, sepakan, kunciian, cantasan serta libasan atau sapuan.

Setiap gerak serangan ini pula mempunyai pelbagai teknik dan setiap pesilat perlu menggunakan teknik-teknik serangan yang sesuai ketika bertarung untuk memastikan keberkesannya.